



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**Kenyataan Bersama oleh Jawatankuasa Pilihan Perhubungan
Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa Berhubung Jerebu
Rentas Sempadan yang Melanda Malaysia**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat melahirkan kebimbangan serius terhadap masalah jerebu rentas sempadan yang berulang dan kini melanda Sarawak serta banyak kawasan di pantai barat Semenanjung Malaysia. Isu jerebu rentas sempadan ini bukanlah perkara baharu bagi Malaysia dan negara-negara di rantau ini yang terpaksa berdepan dengan kemerosotan kualiti udara akibat kebakaran hutan dan tanah serta pembakaran terbuka. Isu yang berulang ini menimbulkan kebimbangan serius mengenai keberkesanan langkah-langkah penguatkuasaan, pencegahan dan pemuliharaan yang telah diambil oleh pihak yang terlibat secara langsung dalam perkara ini.

Isu jerebu sempadan ini merupakan satu isu yang mustahak serta muktahir memandangkan kesan jerebu ini telah melangkaui sempadan negara sejak sekian lama. Tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang tidak sihat menjejaskan kesihatan dan kehidupan harian berjuta-juta penduduk, khususnya kanak-kanak, warga emas, dan mereka mempunyai risiko kesihatan yang serius seperti masalah pernafasan. Selain daripada itu, kesan jerebu ini juga memberikan kesan langsung terhadap sesi persekolahan, aktiviti sosial dan ekonomi domestik yang dilihat sebagai kerugian besar kepada negara.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa menggesa Kerajaan Indonesia untuk mengambil langkah segera, tegas dan proaktif untuk mencegah pembakaran terbuka, memperkukuh penguatkuasaan, serta mengenakan hukuman yang sewajarnya terhadap pihak yang bertanggungjawab. Prinsip akauntabiliti mesti dilaksanakan tanpa pengecualian. Oleh itu, mana-mana syarikat atau individu yang didapati bertanggungjawab bagi perkara ini harus dikenakan tindakan sewajarnya tanpa mengira kewarganegaraan atau pemilikan. Sekiranya terdapat penglibatan syarikat

milik Malaysia, maka tiada pengecualian yang diberikan untuk siasatan lantas dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah undang-undang yang berkaitan.

Malaysia dan Indonesia merupakan jiran rapat serta rakan penting dalam ASEAN. Berlandaskan hubungan yang telah lama terjalin sejak sekian lama dalam pelbagai bidang, Jawatankuasa ini berpandangan bahawa isu jerebu rentas sempadan ini telah memberikan kemudaran terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat yang perlu ditangani secara terus-terangan melalui mekanisme yang lebih efektif yang turut disokong dengan semangat kebertanggungjawab bersama.

Kerjasama serantau melalui platform ASEAN perlu terus diperkukuh dengan penguatkuasaan yang lebih tegas, ketelusan yang lebih tinggi, dan pematuhan terhadap perjanjian kerjasama yang telah dimeterai dalam mencegah masalah ini daripada terus berulang. Jawatankuasa menyeru kepada semua kerajaan, agensi, dan pemain industri yang berkaitan untuk memainkan peranan yang lebih aktif agar rakyat di rantau ini tidak perlu terus menanggung krisis jerebu yang sama saban tahun.

- TAMAT -